

NO. SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 26.10.2017

SOALAN : 49

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:**

- (a) Tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat dakwaan mengenai amalan rasuah dalam Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) dengan memberi keperincian terhadap bilangan kes yang sedang disiasat, kes yang telah selesai siasatan dan kes yang dihadapi ke mahkamah untuk tahun 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30 September 2017 dan

(b) Perkembangan usaha bagi pelaksanaan cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menggubal satu undang-undang berkaitan salah laku penjawat awam (Misconduct of Civil Service Act) supaya sesiapa yang menyebabkan kerugian besar dalam dana awam menghadapi tuduhan jenayah.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a)

SPRM akan menjalankan siasatan jika terdapat unsur kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

Sepanjang tahun 2014 hingga 30 September 2017, terdapat 2 Kertas Siasatan yang melibatkan PUSPAKOM. Hasil 2 Kertas Siasatan tersebut, SPRM telah mengemukakan Laporan Hasil Siasatan terhadap PUSPAKOM bagi penambahbaikan sistem kawalan yang sedia ada.

Jawapan (b)

SPRM sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara bagi memantapkan kerangka perundangan bagi pencegahan rasuah di

115

negara ini. Terkini, SPRM telah mencadangkan supaya diwujudkan undang-undang baru mengenai liabiliti korporat dalam Akta SPRM 2009 dan cadangan ini akan dibentangkan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.